



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

13 JULAI 2022

**STANDARD *GOOD MANUFACTURING PRACTICE (GMP)*
PASTIKAN RAKYAT TERUS MENIKMATI
MAKANAN SELAMAT DAN BERKUALITI**

KLIA, 13 JULAI - Kerajaan sentiasa mengambil berat dan berusaha secara berterusan dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat termasuklah bagi memastikan makanan yang dikilangkan adalah selamat dan berkualiti.

Selaras dengan perkembangan pesat industri makanan di negara ini, penghasilan pelbagai produk makanan telah meningkat saban tahun. Ini menjadikan isu berkaitan keselamatan dan kualiti makanan menjadi semakin penting.

Pihak industri memainkan peranan yang penting bagi memastikan makanan yang dihasilkan selamat dan berkualiti sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pihak industri turut perlu memenuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), di mana, ia memperuntukkan semua premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan perlu melaksanakan program jaminan keselamatan makanan.

Sehubungan itu, bagi menyokong usaha menjamin makanan yang dihasilkan dan dipasarkan di negara ini adalah berkualiti dan selamat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah berjaya membangunkan **MS 1514:2022 Good Manufacturing Practice (GMP) for Food (Second Revision)** yang telah diluluskan oleh YB Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 1 Jun 2022.

MS 1514:2022 yang dibangunkan ini merupakan edisi kemas kini kepada edisi MS 1514:2009. MS 1514 ini menyediakan garis panduan kepada pengeluar makanan bagi menghasilkan produk makanan yang selamat dimakan dengan menggariskan kriteria penting yang perlu dipatuhi semasa pemprosesan makanan antaranya dari aspek fasiliti, pengoperasian, kebersihan serta pengangkutan.

MS 1514 juga merupakan rujukan yang boleh diguna pakai oleh pihak pengilang bagi memenuhi keperluan pelaksanaan program jaminan keselamatan makanan, di mana GMP merupakan salah satunya. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kawalan keselamatan dan kualiti makanan pada peringkat pengeluaran makanan bagi tujuan pasaran tempatan, di samping selari dengan standard antarabangsa.

Menyedari MS 1514 merupakan MS yang mendapat permintaan yang tinggi dan meluas penggunaannya dalam kalangan industri makanan, satu seminar telah dianjurkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) dengan kerjasama antara Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM.

Seminar ini diadakan bersekali dengan pelancaran MS 1514:2022 yang baharu diterbitkan bagi memberi penjelasan berkenaan dengan klausa-klausa serta perubahan terkini serta mempromosi penggunaannya kepada umum.

Seminar ini telah dihadiri oleh 130 orang peserta daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, badan pensijilan dan pemain industri makanan. Adalah diharapkan penganjuran ini dapat meningkatkan bilangan syarikat yang mengguna pakai standard ini serta dipersijilkan untuk **Good Manufacturing Practice (GMP)**.

-TAMAT-

Mengenai Jabatan Standard Malaysia

Jabatan Standard Malaysia ialah sebuah jabatan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Jabatan Standard Malaysia ialah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan mempromosikan Standard Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal ujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Fokus utama perkhidmatan kami adalah untuk membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui penyeragaman dan aktiviti akreditasi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)

Tel.: 03-8008 2891 Fax: 03-8008 2901

Emel: noor_hidayah@jsm.gov.my